

16/06/1997

Amaran rasuah sudah berakhir

SANDAKAN, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan masa untuk memberi amaran kepada pemimpin rasuah serta mementingkan diri sendiri sudah berakhir dan tibalah masanya untuk bertindak tegas menyingkirkan mereka yang terbabit.

Pemangku Perdana Menteri berkata, amaran tidak lagi diberi kerana masanya sudah tiba untuk membersihkan parti dan kerajaan daripada gejala itu bagi mewujudkan pemerintahan yang bersih di semua peringkat.

Katanya, beliau sudah berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu selepas peringatan dan amaran berulang kali diberikan, termasuk kepada pemimpin Umno sendiri.

"Perdana Menteri menegaskan pentingnya kerajaan bersih ... justeru kita bersihkan dari dalam parti kita dahulu.

"Sebab itu, Dr Mahathir memberi persetujuan supaya kita beri sokongan yang padu kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk mengambil tindakan kepada siapa saja yang terbabit dengan rasuah, baik di Selangor, Melaka, Perak atau Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Libaran di Dewan Masyarakat, di sini petang ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam; Ketua Umno Bahagian Libaran, Datuk Musa Aman dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah.

Pemangku Perdana Menteri berkata, dalam mengambil tindakan itu, tentunya ada beberapa orang yang tidak senang, tetapi rakyat keseluruhannya termasuk di Sabah perlu memberi sokongan cukup padu terhadap tindakan kerajaan itu.

Menurutnya, kerajaan perlu bertindak terhadap segelintir pemimpin yang rasuah dan mementingkan diri sendiri demi menjaga imej negara yang sudah pun dikenali sampai ke seluruh dunia.

Beliau berkata, ketika ini Malaysia dikenali dan disegani di seluruh dunia, manakala Dr Mahathir mendapat pengiktirafan antarabangsa bukan sekadar sebagai pemimpin negara ini, tetapi mewakili Dunia Ketiga.

"Justeru, bagaimana kita boleh biarkan kerenah, kekusutan orang yang boleh merosakkan imej negara. Nama negara harum kerana kita kerja kuat, politik stabil dan ekonomi bertumbuh pesat.

"Nama kita akan busuk dan rosak kerana sikap beberapa pemimpin yang gelojoh, tamak haloba dan mengkhianati amanat rakyat.

"Sebab itu masa untuk bercakap saja, memberi amaran dan peringatan sudah berakhir. Masa sekarang ialah bertindak untuk memastikan pemerintahan kita, parti dan kerajaan bersih daripada gejala tidak sihat," katanya.

Dalam konteks Sabah, Anwar mengingatkan pimpinan kerajaan negeri supaya mewujudkan pemerintahan yang bersih seperti dijanjikan ketika pilihan raya negeri lalu.

Katanya, kedatangan Umno ke Sabah dan seterusnya membentuk kerajaan bertujuan membawa perubahan untuk rakyat.

Menurutnya, beliau sudah berbincang dengan pimpinan negeri supaya mereka bekerja untuk rakyat dan jangan menggunakan kuasa bagi kepentingan diri sehinggakan lupa mandat rakyat.

"Kita tidak mahu pemimpin kaya, tetapi rakyat miskin. Kita mahu pemimpin jadi pemimpin yang menggunakan kuasa bekerja untuk rakyat. Kita tidak mahu pemimpin yang hanya turun masa pilihan raya saja," katanya.

Anwar turut membidas Parti Bersatu Sabah (PBS) yang terus menggunakan

politik perkauman untuk mendapatkan simpati rakyat.

"PBS tidak cakap mengenai kerajaan bersih kerana politiknya politik perkauman. Dia salahkan semuanya Semenanjung. Orang KL salah semua. Tapi orang KL tak curi balak Sabah. Yang curi balak Sabah pemimpin Sabah sendiri," katanya.

(END)